



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
BAHAGIAN PENDIDIKAN SWASTA
PRIVATE EDUCATION DIVISION
Aras 3, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
MALAYSIA



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Telefon : 603-8884 9000
(Telephone) : 603-8884 9536
Faks (Fax) : 603-8888 6676

Ruj. Kami : KPMSP.100-6/1/19 Jld.2 ()
Tarikh : **26** Januari 2016

Pengetua
Sekolah Menengah Lodge
P.O. Box 882 Tabuan Jaya
93718 Kuching
Sarawak

Tuan,

PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM DWIBAHASA ATAU DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP) PADA TAHUN 2016

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas dan surat tuan bertarikh 20 Januari 2016 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada halangan untuk **Sekolah Menengah Lodge** melaksanakan Program DLP bagi tahun 2016 seperti dalam para 2 Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 18 Tahun 2015 yang dilampirkan. Kelulusan pelaksanaan program DLP ini adalah tertakluk kepada pematuhan para 3 surat siaran tersebut.

3. Pihak sekolah hendaklah memastikan bahawa kemudahan fizikal dan sumber telah sedia ada untuk melaksanakan program tersebut, termasuklah kesediaan guru-guru untuk melaksanakan program DLP di sekolah tuan. Selain daripada itu, pihak tuan juga hendaklah melaksanakan program pengukuhan Bahasa Melayu kepada semua murid yang terlibat untuk meningkatkan penguasaan berbahasa Melayu dalam kalangan murid tersebut.

4. KPM boleh menarik balik kelulusan ini sekiranya perkara di atas gagal dipatuhi. Kerjasama dan perhatian terhadap perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"SEHATI SEJIWA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(ABD HALIM BIN ISMAIL)
Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia



MALAYSIA : "RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

s.k.:

1. YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Ketua Pegawai Eksekutif
Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)
3. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik
Off Jalan Bako
93050 Kuching
Sarawak



Rujukan Kami: KPM(BPSH-SPDK)100-1/7/3(23)
Tarikh: 03 Disember 2015

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 18 TAHUN 2015

**PELAKSANAAN RINTIS PROGRAM DWIBAHASA ATAU DUAL LANGUAGE
PROGRAMME (DLP) DI SEKOLAH PADA TAHUN 2016**

Surat Siaran ini bertujuan untuk memaklumkan tentang pelaksanaan rintis Program Dwibahasa atau *Dual Language Programme* (DLP) di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Ia dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara rintis pada tahun 2016 melibatkan 300 buah sekolah seperti di Lampiran 1.

Program DLP memberi pilihan kepada sekolah-sekolah yang layak untuk menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris selain daripada bahasa Malaysia bagi mata pelajaran Matematik, Sains, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, serta Reka Bentuk dan Teknologi. Bagi tujuan pelaksanaan rintis DLP, mata pelajaran yang terlibat adalah Matematik dan Sains bagi Tahun 1, Tahun 4 dan Tingkatan 1.

2. Tujuan Pelaksanaan DLP

Pelaksanaan DLP bertujuan untuk menyokong penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris murid melalui peningkatan masa pendedahan kepada bahasa Inggeris secara tidak langsung. Dengan pengukuhan dwibahasa seseorang murid, DLP boleh memberi peluang kepada murid untuk meningkatkan akses, penerokaan pelbagai ilmu untuk bersaing di peringkat global serta meningkatkan kebolehpasaran murid di alam pekerjaan.

DLP merupakan satu program pilihan, sekolah yang berminat dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan boleh membuat permohonan secara rasmi ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) masing-masing. Kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- 2.1 Sekolah mempunyai sumber yang mencukupi.
Sumber adalah merujuk kepada buku teks, bahan rujukan, bahan bantu mengajar dan lain-lain bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran.
- 2.2 Pengetua/Guru Besar dan Guru bersedia untuk melaksanakan DLP.
Pengetua/Guru Besar perlu setuju dengan perlaksanaan DLP serta bekerjasama dengan PPD/JPN bagi rancangan jangka panjang dan jangka pendek untuk memastikan bilangan guru dan murid yang mencukupi.
- 2.3 Permintaan dan sokongan daripada ibu bapa.
Ibu bapa perlu memberi persetujuan secara bertulis kepada pihak sekolah untuk membolehkan anak mereka mengikuti DLP. Ibu bapa juga perlu mengambil peranan yang aktif dalam pendidikan anak mereka dengan memberi sokongan kepada pihak sekolah untuk melaksanakan DLP.
- 2.4 Pencapaian sekolah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.
Pencapaian ini mestilah menyamai atau lebih baik daripada pencapaian purata kebangsaan Bahasa Melayu.

3. Pelaksanaan DLP

3.1 Bilangan kelas bagi pelaksanaan DLP

Kelas DLP mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 15 orang murid bagi satu kelas dengan mengekalkan bilangan kelas yang sedia ada. Kelas DLP perlu menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya untuk pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran yang terlibat.

3.2 Mata Pelajaran Yang Terlibat

Pelaksanaan rintis DLP pada tahun 2018 akan melibatkan:-

- a Peringkat Sekolah Rendah
 - i Dunia Sains dan Teknologi (DST) Tahun 1
 - ii Matematik Tahun 1
 - iii Sains Tahun 4
 - iv Matematik Tahun 4

- b. Peringkat Menengah Rendah
 - i. Sains Tingkatan 1
 - ii. Matematik Tingkatan 1

3.4 Bahan Sokongan Pengajaran dan Pembelajaran

Kementerian Pendidikan akan menyediakan bahan-bahan berikut bagi mata pelajaran yang berkenaan dalam bahasa Inggeris kepada sekolah yang memilih untuk pelaksanaan rintis DLP pada tahun 2016:

- a. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (dimuat naik dalam portal KPM)
- b. Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid (dimuat naik dalam portal KPM)
- c. Buku teks
- d. Buku rujukan bagi pusat sumber sekolah dan panitia mata pelajaran

3.5 Peruntukan Masa Pengajaran dan Pembelajaran

Peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran yang terlibat dalam pelaksanaan DLP adalah kekal seperti peruntukan masa yang sedang berkuat kuasa sekarang.

3.6 Pentaksiran

Semua peperiksaan awam bagi mata pelajaran Sains dan Matematik mulai tahun 2016 akan disediakan dalam dwibahasa iaitu bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Pentaksiran sekolah bagi mata pelajaran yang terlibat perlu disediakan dalam bahasa pengantar yang digunakan.

4. Rayuan Pergecualian Pelaksanaan Rintis DLP

Sekolah-sekolah yang tidak berminalat atau tidak bersedia untuk mengambil bahagian dalam pelaksanaan rintis DLP, perlu menulis surat secara rasmi kepada PPD masing-masing dalam tempoh lima (5) hari dari pada tarikh surat ini berkuat kuasa. Salinan surat berkenaan juga perlu dipanjangkan kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing dan Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), KPM.

5. Kerjasama YBhg. Datuk/Datin/Iuan/puan adalah dimohon untuk memaklumkan kandungan surat sieran ini kepada semua sekolah yang terlibat (seperti di Lampiran 1) di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/Iuan/puan.

Sekian. Terima kasih,

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATO' SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
marangka Ketua Pengaruh Pelajaran Malaysia

s.k.

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengaruh Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
8. Ketua Nazir
Jemahat Nazir dan Jaminan Kualiti
9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia